

**LAPORAN MISI IQRA' PERSATUAN PUSTAKAWAN
MALAYSIA KE ACEH, SUMATRA UTARA, INDONESIA, 2-5
OGOS 2005**

Laporan disediakan oleh kumpulan misi Iqra' Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)

Dato' Zawiyah Baba
Hasbullah Atan
Rohani Rustam
Abdul Hamid Abdul Rahman

RINGKASAN LAPORAN

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dalam Mesyuarat Agungnya pada 9 April 2005 telah melulus satu resolusi untuk menghantar satu misi mencari maklumat ke Aceh. Ini adalah sebagai menyahut rayuan untuk bantuan dari Ikatan Perpustakaan Indonesia (IPI) untuk membangunkan semula perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di Aceh, Indonesia yang telah musnah akibat daripada musibah gempa bumi dan tsunami.

Objektif misi tersebut adalah:

- i. Mewujudkan hubungan dengan perpustakaan dan agensi yang berkaitan di Aceh,
- ii. Meninjau pembinaan semula pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berikutan tsunami yang melanda pada 26 Disember, 2004,
- iii. Mengenalpasti jenis dan bentuk bantuan yang segera diperlukan dan cara yang berkesan untuk menyampaikannya,

Misi seramai empat orang yang diketuai oleh Y.Bhg Dato' Zawiyah Baba itu telah dinamakan sebagai Misi Iqra'. Misi tersebut telah berada di Aceh pada 2-5 Ogos 2005. Anggota-anggota misi yang lain adalah Encik Hasbullah Atan, ko-ordinator, Puan Rohani Rustam, Pegawai Perhubungan dan Encik Abdul Hamid Abdul Rahman, jurukamera.

Lawatan telah dibuat ke perpustakaan pusat, Badan Perpustakaan Daerah (BPD) dan Perpustakaan Masjid Raya Baitulrahman. Satu mesyuarat yang mana telah disertai dengan taklimat, perbincangan dan temubual telah diadakan di BPD. Mereka yang ditemubual adalah Drs Kamaruddin H. Hussin, Ketua BPD, Ibu Yusnidar, Pustakawan Kanan dan Drs Fauzi, wakil daripada Ikatan Purpustakaan Indonesia.

Anggota misi ini juga turut melawat projek-projek membaca dan literasi yang dijalankan oleh beberapa organisasi seperti Phi Beta Learning Centre, Yayasan Anak Bangsa, Pusat Media Kanak-kanak dan Forum Lingkaran Pena. Program-program ini telah ditubuhkan sebelum wilayah tersebut dilanda musibah tsunami. Temubual juga telah diadakan dengan Saudara Saiful Mahdi dan wakil-wakil dari setiap pertubuhan yang telah dilawati. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah di Banda Aceh dan juga berek-berek penempatan sementara untuk mangsa-mangsa tsunami.

Hasil dari temubual, penelitian dan perbincangan yang dibuat, perkara-perkara berikut telah dikenalpasti sebagai bantuan yang diperlukan oleh perpustakaan-perpustakaan di Aceh dengan kadar segera:

- i. Buku-buku untuk koleksi perpustakaan
- ii. Pengesanan bahan-bahan sejarah tentang Aceh
- iii. Kenderaan bagi perpustakaan bergerak
- iv. Perabot dan rak perpustakaan
- v. Pembangunan sumber manusia

- vi. Peralatan komputer dan sistem perpustakaan bersepadu
- vii. Bantuan kewangan untuk projek-peojek literasi dna kempen

Syor-syor utama dari Misi Iqra' ini pula adalah:

- i. PPM memainkan peranan utama dalam bantuan untuk pembangunan semula perpustakaan di Aceh
- ii. Perpustakaan Negara Malaysia menyelaraskan perkara-perkara berikut:
 - a. Pengesanan bahan-bahan sejarah tentang Aceh
 - b. Memberi latihan dalam pemuliharaan bahan
 - c. Menyediakan beberapa tempat untuk peserta-peserta dari Aceh dalam program MTCP
 - d. Menyediakan template untuk aplikasi sistem perpustakaan bersepadu untuk perpustakaan di Aceh
- iii. Komuniti kepustakawan di Malaysia memberi penghargaan kepada Ibu Yusnidar dan kakitangan BPD diatas kegigihan dan usaha mereka didalam kerja-kerja untuk memulihkan perkhidmatan perpustakaan pasca tsunami di Aceh.

Misi Iqra' PPM ini telah dapat dilakukan dengan jayanya serta mencapai matlamatnya. Laporan ini akan dimajukan kepada peringkat tertinggi di Malaysia dan juga ke IFLA serta lain-lain badan di peringkat antarabangsa untuk memudahkan lagi usaha-usaha untuk membangunkan semula perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di Aceh pasca tsunami. Adalah diharapkan perpustakaan-perpustakaan, persatuan-persatuan perpustakaan dan juga para pustakawan akan dapat memberikan sumbangan dalam apa bentuk pun yang dapat membaiki taraf hidup penduduk-penduduk Aceh melalui perpustakaan.

PENDAHULUAN

Laporan tentang keadaan perkhidmatan perpustakaan di Aceh pasca-tsunami serta permohonan bantuan telah diterima oleh Dato' Zawiyah Baba, Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) pada bulan Mac 2005 dari Bapak Dady Rachmananta, Presiden Ikatan Pustakawan Indonesia (IPI) merangkap Ketua Pengarah Perpustakaan Nasional Indonesia. Majlis PPM mengambil ingatan bahwa pustakawan dan perpustakaan di Malaysia telah pun memberi sumbangan kepada tabung tsunami yang dianjurkan oleh akhbar-akhbar tempatan dan agensi kerajaan untuk mangsa tsunami di Aceh.

Kerajaan Malaysia juga telah menyampaikan sumbangan wang berjumlah AS\$3.4 juta (RM12.92juta) kepada Kerajaan Indonesia untuk mangsa tsunami di Aceh. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh YB Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga kepada Menteri Hal Ehwal Sosial, Indonesia, Bakhtiar Chamsyah di Jakarta pada 5 January 2005. Penyerahan sumbangan tersebut

telah disaksikan oleh YAB Dato'Seri Abdullah Ahmad Badawi dan TYT Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhiyono. Selain dari itu banyak agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan Malaysia telah turut menghulurkan bantuan bersama Kerajaan dan badan-badan antarabangsa. Angkatan Tentera Malaysia dan Mercy Malaysia adalah diantara pihak yang terdahulu berada di Aceh untuk membantu mangsa-mangsa tsunami. Walau bagaimana pun adalah diakui masih banyak bantuan yang diperlukan terutamanya dalam pembinaan semula Aceh, termasuk perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Dikhuatiri juga keperluan bantuan dalam bidang ini akan terlepas pandang sekiranya tidak diketengahkan untuk mendapat perhatian dan tindakan dari pihak-pihak berkenaan didalam dan luar Negara.

Akan tetapi, PPM masih memerlukan maklumat dan gambaran yang lebih jelas tentang keadaan di Aceh, bantuan yang diperlukan dan bagaimana mungkin PPM dan komuniti pustakawan antarabangsa boleh membantu dan menyampaikan bantuan yang diperlukan. Mesyuarat Agong Tahunan PPM yang berlangsung di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 9 April 2005 yang lalu, telah meluluskan resolusi untuk menghantar misi yang akan membuat tinjauan awal dan mendapatkan maklumat bagi tujuan yang tersebut di atas.

2. TUJUAN MISI

Misi PPM ke Aceh bertujuan untuk:

- 2.1 Mewujudkan hubungan dengan perpustakaan dan agensi yang berkaitan di Aceh,
- 2.2 Meninjau pembinaan semula pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berikutan tsunami yang melanda pada 26 Disember, 2004,
- 2.3 Mengenalpasti jenis dan bentuk bantuan yang segera diperlukan dan cara yang berkesan untuk menyampaikannya,
- 2.4 Menyedia dan mengemukakan laporan penemuan Misi kepada Majlis PPM,

Laporan misi di atas juga bertujuan untuk disampaikan oleh Majlis PPM kepada pihak yang berkuasa dan berkenaan di Malaysia dan komuniti perpustakaan antarabangsa terutama Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL) dan badan dunia International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) untuk makluman, pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya.

3. MISI IQRA'

Misi PPM ke Aceh diberi nama Misi Iqra'. Iqra' ialah perkataan Arab yang bermaksud *bacalah*, iaitu perkataan pertama yang diwahyukan melalui AlQuran. Iqra' dengan tepat melambangkan tujuan Misi PPM, iaitu untuk membantu memulihkan kemudahan kegiatan membaca dan pembelajaran di Aceh, yang merupakan daerah yang paling teruk dilanda tsunami pada 26 Disember 2004.

4. KENGGOTAAN MISI

Ahli-ahli Misi Iqra' PPM terdiri daripada:

- 4.1 Dato' Zawiyah Baba (Ketua Misi)
Mantan Presiden PPM dan Pengerusi, Jawatankuasa Bantuan Luar PPM
- 4.2 Sdr. Hasbullah Atan (Ko-ordinator)
Ahli Majlis PPM
- 4.3 Puan Rohani Rustam (Perhubungan)
Ahli Se-umur Hidup dan Mantan Presiden PPM
- 4.4 Sdr. Abdul Hamid bin Abdul Rahman
Juru Kamera/ Juru Foto
(dengan ikhsan Pesona Pictures Sdn Bhd.)

5. MENJALIN PERHUBUNGAN SETEMPAT

Tugas utama misi ini ialah untuk menjalin perhubungan langsung dengan rakan-rakan pustakawan di Aceh.

5.1 Ibu Yusnidar

Orang pertama yang dihubungi ialah Ibu Yusnidar, Pemangku Ketua Badan Perpustakaan Daerah (BPD), Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Nama dan nombor telefon Ibu Yusnidar telah diperolehi melalui laporan lawatan Perpustakaan Negara Indonesia (PNI) pada bulan Januari 2005 yang diketuai oleh Bapak Dady Rachmananta, Ketua Pengarah PNI merangkap Presiden, Ikatan Pustakawan Indonesia (PNI). Hubungan dengan Ibu Yusnidar hanya dapat dibuat melalui telefon bimbit beliau, oleh kerana hampir keseluruhan sistem komputer serta peralatan komunikasi di Banda Aceh telah musnah akibat tsunami yang melanda Negara itu. Bahasa Malaysia/bahasa Indonesia digunakan dengan berkesan oleh kedua-dua pihak dalam percakapan En.Hasbullah dengan Ibu Yusnidar.

5.2 Saudara Saiful Mahdi

Orang penting yang kedua dihubungi ialah Sdr Saiful Mahdi, calon PhD di Cornell University, Ithaca, USA. Sdr Saiful dikenali melalui seorang pelajar Malaysia di New York yang mengikuti kegiatan Aceh Relief Fund (ARF) di Cornell University yang ditubuhkan atas inisiatif pelajar-pelajar Malaysia dan Indonesia di Cornell untuk membantu mangsa-mangsa tsunami. ARF telah membantu kepulangan Sdr Saiful pulang ke Banda

Aceh untuk mencari anggota keluarganya seminggu selepas tsunami. Sdr Saiful telah menerbitkan jurnal harian and mingguannya di Aceh secara online sehingga February 2005. Seterusnya beliau telah dilantik sebagai Koordinator Program bagi UNIFEM (the United Nations Development Fund for Women) untuk Aceh sejak akhir Januari 2005 untuk jangka masa enam bulan. Kami amat bertuah kerana kontrak beliau telah disambung sehingga September 2005 dan membolehkan beliau membantu Misi Iqra' PPM. Perhubungan dengan Sdr Saiful lebih mudah kerana beliau disediakan kemudahan emel dan dapat memberi maklumbalas dengan cepat dan cekap.

Ibu Yusnidar dan Saiful memberi bantuan kepada Misi PPM sepertimana diharapkan, malah kadang kala melebihi jangkaan. Mereka menyelaraskan lawatan kami dengan rapi dan menyediakan segala bantuan yang kami perlukan. Mereka juga menemani anggota Misi ke tempat-tempat yang dilawati serta memberikan maklumat tambahan yang penting dan menarik sepanjang perjalanan.

6. MAKLUMAT DAN NASIHAT DARI RAKYAT MALAYSIA

Selain dari perhubungan setempat, ahli Misi PPM juga telah menghubungi rakyat Malaysia yang tahu tentang keadaan di Banda Aceh masakini. Mereka sering berulang-alik ke Aceh kerana berkhidmat dengan organisasi yang terlibat dengan projek pembinaan semula. Mercy Malaysia merupakan antara pertubuhan bantuan sukarela yang pertama tiba di Aceh untuk membantu mangsa-mangsa tsunami dan sekarang terlibat dengan projek-projek pembinaan semula. Asian Football Confederation (AFC) terlibat dengan pelaksanaan dan pemantauan projek pembinaan semula padang-padang bola dan pusat-pusat sukan di Aceh oleh FIFA (the International Federation of Football Associations). Mereka telah memberi maklumat dan nasihat tentang tempat tinggal, tempat-tempat makan, sewaan kenderaan, keselamatan, perturan dan keadaan dilapangan terbang serta keadaan umum di Aceh. Maklumat yang mereka berikan sangat penting kerana memberi keyakinan kepada anggota untuk meneruskan Misi PPM ke Aceh. Mereka yang dihubungi ialah:

6.1 Datuk Dr Baba Md Deni

Doktor perubatan dari Melaka yang berkhidmat dengan Mercy Malaysia (beliau telah dihubungi melalui adik beliau, Puan Fatimah Md.Deni, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pelajaran Malaysia)

6.2 Datuk Yap Nyim Keong

Setiausaha Kerja, Asian Football Confederation (AFC).
(Beliau telah dihubungi melalui Datuk Dr.Baba Md. Deni)

6.3 En. Windsor John

Pejabat Pembangunan FIFA, Kuala Lumpur.
(Beliau dihubungi melalui Datuk Yap Nyim Keong)

7. NASIHAT DAN BANTUAN WISMA PUTRA

Ahli kumpulan Misi Iqra' juga telah mendapat nasihat dan bantuan dari Kementerian Luar Malaysia, Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik I berkaitan dengan keadaan politik, kesihatan dan keselamatan di Aceh. Wisma Putra juga telah membantu menghubungi Pejabat Konsul Malaysia di Medan mengenai Misi Iqra' PPM. Nasihat dan bantuan Wisma Putra juga telah membantu menghilangkan rasa curiga dan kesangsian tentang keadaan keselamatan di Aceh serta memberi keyakinan untuk melakukan lawatan ke Aceh.

8. LAMAN WEB MENGENAI TSUNAMI

Disamping menjalinkan hubungan, kumpulan ini juga telah melayari banyak laman-laman web tentang tsunami, atau yang mengandungi maklumat mengenai tsunami, terutamanya di Aceh. Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menyusun bibliografi yang sangat membantu tentang tsunami, kerana terdapat teks penuh bagi entri-entri yang disenaraikan. Beberapa laman web lain juga telah dilayari melalui alamat yang diberikan oleh rakan-rakan dari dalam dan luar Negara.

9. PROGRAM LAWATAN DAN PERUNTUKAN KEWANGAN

Dengan maklumat yang telah dikumpulkan serta hubungan yang telah terjalin, jadual lawatan empat hari telah dapat disediakan untuk kumpulan misi Iqra' di Aceh dan anggaran perbelanjaan disediakan. Ini membolehkan PPM mendapatkan sebutharga bagi pakej lawatan termasuk tambang kapal terbang, penginapan dan pengangkutan dari lapangan terbang ke hotel dan sebaliknya. Rakan-rakan di Aceh akan menyediakan kenderaan bagi lawatan semasa di Banda Aceh. Anggaran perbelanjaan yang disediakan Peruntukan untuk misi merangkumi tambang kapal terbang, penginapan dan kenderaan, cenderamata dan sumbangan untuk mangsa tsunami dan lain-lain. Majlis PPM di mesyuarat pada 23 April 2005 telah menyokong dan merestui misi tersebut. Anggaran kos bagi Misi tersebut yang diperolehi selepas mesyuarat perlu dimaklumkan kepada Majlis PPM untuk kelulusan. Anggaran kos misi ini telah diedar melalui email pada Jun 2005 dan telah mendapat kelulusan PPM. Namun, memandangkan PPM adalah sebuah persatuan profesional sukarela dengan sumber kewangan dari yuran ahli dan kegiatan memungut derma, maka Majlis dan anggota Misi Iqra' PPM telah berusaha mendapatkan tajaan dan sumbangan untuk menjayakan Misi ke Aceh.

10. TAJAAN

Penaja utama Misi Iqra' PPM ke Aceh ialah Persona Pictures Sdn. Bhd, iaitu sebuah syarikat filem yang terkenal di Kuala Lumpur. Turut menaja kos Misi ialah Yuha Associates, kontraktor pembekal buku. Persona Pictures juga telah menyediakan khidmat jurufoto/jurukamera yang turut menyertai Misi tersebut untuk membuat rakaman sepanjang lawatan. Persona Pictures juga telah meminjamkan peralatan kamera serta pita rakaman yang lengkap untuk tujuan tersebut.

Disamping itu, syarikat IT bernama Alam Teknokrat Sdn Bhd atau lebih dikenali dengan nama SKALI telah menyumbangkan sebuah komputer notebook jenama Compaq yang baru untuk dihadiahkan kepada Badan Perpustakaan Daerah (BPD), Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia turut menghadiahkan 8 buah kamus Inggeris-Melayu dan beberapa buah buku cerita kanak-kanak untuk dihadiahkan kepada perpustakaan di Aceh. Syarikat pengiklanan Friends Worldwide pula telah menyumbangkan 100 helai kemeja-T yang direka khas untuk kana-kanak di Aceh. Seorang lagi dermawan yang namanya tidak mahu disebut telah menyumbang 30 helai t-shirts untuk sukarelawan projek literasi di bawah Phi Beta Learning Centre.

Semua kotak yang dipenuhi sumbangan di atas sudah semestinya melampaui berat bagasi yang dibenarkan bagi kumpulan 4 orang. Namun, atas dasar kemanusiaan Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengecualikan bayaran lebihan bagasi untuk Misi Iqra' PPM.

11. PERTEMUAN DENGAN KONSUL GENERAL MALAYSIA DI MEDAN

Kumpulan Misi telah singgah di Medan pada 2 Ogos, 2005 untuk bertemu Konsul General Malaysia di sana untuk mendapatkan maklumat dan nasihat serta berbincang mengenai perkembangan terkini keadaan politik, sosial dan ekonomi serta pembinaan semula di Aceh. Maklumat juga diperolehi mengenai pembekalan buku-buku oleh syarikat tempatan di Medan serta pembinaan badan perpustakaan bergerak oleh syarikat binaan badan bas tempatan. Kumpulan juga bertanyakan tentang cukai kastam serta peraturan lain yang ada kaitan dengan kemasukan bahan sumbangan termasuk alatulis, pakaian dan bekalan lainnya ke Aceh. Perbincangan dengan Konsul General Malaysia En Yusof Abu Bakar sangat bermanfaat bagi persediaan untuk perjalanan seterusnya. Kumpulan juga melawat Toko Buku Gramedia di Medan untuk melihat jenis buku yang boleh diperolehi dari toko buku terbesar di Medan itu.

12. PENGINAPAN DI ACEH

Kumpulan Misi Iqra' tiba di Banda Aceh pada pagi 3 hb Ogos 2005 dengan penerbangan Garuda. Berlaku sedikit salah faham tentang berat bagasi yang ada, tetapi dapat

diselesaikan apabila pihak Garuda mengurangkan bayaran bagi bagasi lebihan tersebut. Tiba di Banda Aceh, kumpulan terus ke Hotel Sulthan, satu-satunya hotel 3 bintang yang beroperasi di tengah kota dan mempunyai standard yang sederhana. Walaubagaimana pun, hotel ini bersih dan selesa dan mempunyai bekalan air sejuk dan panas, televisyen dan berhawa dingin. Air untuk minuman disediakan berasingan. Tiada nyamuk atau lalat kelihatan semasa di Aceh. Hotel ini sering digunakan oleh agensi pembangunan dan bantuan antarabangsa dan tempahan bilik selalunya penuh. Pada waktu sarapan pagi, kelihatan pelbagai bangsa yang mewakili pelbagai agensi bantuan antarabangsa didunia yang telah bertumpu di Banda Aceh. Kami dimaklumkan kini terdapat beberapa hotel kecil di Banda Aceh yang mempunyai standard yang memuaskan.

13. LAPORAN KEADAAN PERPUSTAKAAN JANUARI 2005

Kumpulan Misi Iqra' telah berpeluang membaca laporan tinjauan serta menonton vcd tentang keadaan perpustakaan di Aceh yang diterima dari Bapak Dady Rachmananta yang mengetuai rombongan 4 orang pustakawan Indonesia ke Aceh pada 27-30 Januari 2005. Laporan tersebut memberi gambaran fizikal keadaan serta kemusnahan yang dialami oleh beberapa perpustakaan penting di Aceh termasuk Badan Perpustakaan Daerah (BPD), perpustakaan pusat Nanggroe Aceh Darussalam (NAD), perpustakaan bergerak, perpustakaan awam, perpustakaan sekolah, perpustakaan khusus seperti perpustakaan dan muzium Yayasan Pendidikan Al-Hasymy, perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman dan Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh (PDIA).

Lawatan di atas juga melaporkan tentang kemusnahan seluruh perpustakaan awam di Meulaboh dan Sigli, dua dari 8 buah perpustakaan awam di Aceh. Daerah ini juga merupakan daerah yang parah dilanda tsunami. Dianggarkan sejumlah 90% penduduk daerah ini telah terkorban. Tiada maklumat diperolehi tentang 6 perpustakaan awam lagi. Kemusnahan hampir seluruh PDIA yang mempunyai koleksi manuskrip dan buku nadir merupakan kehilangan besar kepada warisan dokumentasi Aceh dan dengan itu memori warisan Aceh. Kumpulan dari Perpustakaan Nasional Indonesia yang berada di Aceh bulan Januari 2005 hanya dapat menyelamatkan 3 buah buku nadir dan sehelai bahan tentang susur galur keturunan Raja-Raja Islam Aceh. Bahan-bahan tersebut telah dibawa ke Jakarta untuk pemuliharaan.

Berdasarkan laporan di atas, kumpulan kami dapat menilai kemajuan dan pembangunan perpustakaan yang terselamat, khususnya perpustakaan pusat (BPD) dan perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman, tujuh bulan selepas tsunami melanda.

13.1 Perpustakaan Pusat BPD

Perpustakaan Pusat dan kelilingnya kini telah dibersihkan daripada puing-puing, kayu dan batu bata. Perpustakaan kanak-kanak yang terletak bersebelahan bangunan sedang diperbaiki. Masih terdapat beberapa keretakan dibangunan utama yang perlu diperbaiki. Namun peralatan di dalamnya tidak sejajar dengan luaran bangunan yang kelihatan tersergam.

Masih banyak ruang yang perlu dilengkapi dengan perabot seperti bilik seminar/latihan, ruang membaca dan perpustakaan kanak-kanak. Ruang rujukan yang baru dibuka semula dilengkapi dengan perabot sementara. Ada sejumlah 2000 naskah buku di rak buku barbanding dengan lebih 200000 ribu sebelum tsunami. Bahagian teknologi maklumat atau Warintek (Warung Informasi Teknologi) kelihatan kosong dan perlu dilengkapi semula. Perpustakaan kanak-kanak juga perlu dilengkapi sepenuhnya dengan perabot, rak, koleksi buku dan lain-lain peralatan.

13.2 Perpustakaan Bergerak

Dua buah perpustakaan bergerak baru telah diterima dari Perpustakaan Nasional Indonesia menggantikan dua buah perpustakaan bergerak baru yang telah musnah oleh tsunami. Pemulihan semula perpustakaan pusat di biayai oleh Sampoerna, sebuah syarikat rokok Indonesia. Kami dimaklumkan bahawa bantuan yang dijanjikan oleh pihak Jerman pada peringkat awal tidak dapat diteruskan disebabkan masalah teknikal. Walau bagaimanapun, perpustakaan tersebut masih memerlukan bantuan dalam pelbagai aspek pemulihannya seperti yang dinyatakan di penghujung laporan ini.

13.3 Perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman

Mengikut laporan awal, bangunan tersebut ditenggelami air yang sangat dalam dan semua buku dalam koleksi perpustakaan yang terletak di lantai bawah habis musnah. Struktur masjid masih kukuh walaupun mengalami kerosakan, namun kawasan masjid telah dipenuhi dengan puing puing, air hitam dan mayat mayat yang terapong. Masjid beroperasi semula dua minggu selepas tsunami, hasil usaha bersama pemerintah Aceh yang mengarah penggunaan jentera berat untuk membersihkan masjid dan kawasan sekelilingnya, dengan penduduk setempat. Kini keadaan hampir seperti sediakala, dan keindahan dalaman masjid kekal tanpa menampakkan kesan ketara tsunami yang telah melanda tujuh bulan yang lalu. Perpustakaan yang terletak di bahagian belakang masjid mempunyai pintu masuk yang berasingan, baru sahaja dibuka kepada umum. Dewasa ini jumlah koleksi yang telah dapat dikumpul semula dari hadiah dan sumbangan pelbagai pihak ialah 1200 buah buku. Perpustakaan sangat perlu menambah koleksinya memandangkan perpustakaan sering digunakan terutama sekali oleh para mahasiswa. Perpustakaan yang terletak di tengah-tengah kota Banda Aceh ini memudahkan akses bagi orang awam, termasuk mahasiswa yang memerlukan perkhidmatannya. Perpustakaan ini melengkapi perkhidmatan perpustakaan pusat, memandangkan tidak terdapat cawangan perpustakaan awam di kota tersebut. Kperluan bagi buku-buku serta jurnal akademik dan buku-buku dalam bahasa Indonesia memang mendesak. Namun buku-buku dan jurnal dalam bahasa Malaysia dan Inggeris juga diperlukan untuk golongan

mahasiswa. Bahagian kanak-kanak perpustakaan tersebut dijangka akan dibuka semula sebelum akhir tahun ini dengan bantuan dari Exxon-Mobil. Walaubagaimana pun pihak masjid perlu mendapat kepastian semula dari Syarikat Exxon-Mobil yang telah memberi jaminan untuk memberi bantuan ini sebelum tsunami.

Oleh kerana kesempitan waktu, kami tidak dapat melawat perpustakaan sekolah. Namun dari laporan awal oleh kumpulan Perpustakaan Nasional Indonesia, kami dimaklumkan bahwa sebilangan besar sekolah-sekolah di Banda Aceh terselamat dari tsunami dengan koleksi perpustakaan mereka tidak terjejas.

14. PROJEK LITERASI DAN MEMBACA

Satu perkembangan yang menarik di Aceh ialah daya usaha mengembangkan literasi dan galakan membaca yang dijalankan oleh para sukarelawan muda. Para sukarelawan tersebut terdiri daripada guru sekolah, mahasiswa dan penulis muda. Memandangkan sistem perpustakaan awam amat berkurangan, maka perkembangan program literasi ini dapat membantu mengisi kekosongan dan keperluan kanak-kanak terutamanya di kawasan luar bandar. Seseengah projek ini terurus dengan rapi dan mempunyai kepimpinan yang komited, termasuk Phi Beta Learning Centre, Yayasan Anak Bangsa, dan Forum Linkaran Pena. Oleh kerana semua ini merupakan projek sukarela, mereka memerlukan bantuan dalam bentuk bahan bacaan, bahan dan alat menulis, bahan promosi dan wang tunai untuk keperluan bagi meneruskan kegiatan mereka.

15. LAWATAN DAN WAWANCARA

Kumpulan kami mempunyai jadual lawatan dan wawancara yang sangat padat dari 3hb hingga 4hb Ogos di Aceh. Kami mendapat kerjasama yang baik untuk mengadakan wawancara sungguhpun keadaannya tidak selalunya sesuai atau selesa. Wawancara dirakam sewaktu lawatan ke beberapa perpustakaan dan pusat projek literasi dengan mereka yang berikut di Banda Aceh dan Aceh Besar.

Rabu, 3hb Ogos 2005

- 15.1 Drs Kamaruddin H.Husein
Ketua, Perkhidmatan Perpustakaan Provinsi
Nanggroe Aceh Darussalam (NAD)
- 15.2 Ibu Yusnidar
Pustakawan Kanan, Perkhidmatan Perpustakaan Provinsi
NAD
- 15.3 Drs. Fauzi Mahmud

Wakil, Ikatan Pustakawan Indonesia (IPI)
Cabang Aceh

- 15.4 Dra. Meutia A. Djalil
Setiausaha Kehormat IPI
Cabang Aceh,
D/a Perpustakaan UPT
Perpustakaan, Universitas Syiah Kuala
Banda Aceh Darussalam

Khamis, 4hb Ogos, 2005.

- 15.5 Sdr. Saiful Mahdi
Koordinator Program
Pembangunan Dana Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
(UNIFEM)
Kantor Projek di Aceh
- 15.6 Sdr Muhyiddin
Koordinator, Phi-Beta Learning Centre
Banda Aceh
- 15.6 Cik Fauziah Usman
Pustakawan
Perpustakaan, Kompleks Masjid Raya Baiturrahman
Banda Aceh
- 15.7 Sdr Abu Bakar Ishak
Ketua Lingkungan
Lingkungan Al-Mukaramah
Punge Jurung, Banda Aceh
- 15.8 Sdr Hermantono
Children Media Centre
Banda Aceh
- 15.9 Sdr Edy Sopyan
Koordinator, Yayasan Anak Bangsa Aceh
Daerah Pendampingan Lambrado
Aceh Besar, NAD
- 15.10 Cik Cut Intan Mutia
Koordinator, Forum Lingkaran Pena
- 15.11 Sdr Faizal Riza
Maklumat berkaitan buku nadir dan manuskrip

di Pesantren Tanoh Abee, Sulimuem
Aceh Besar NAD

Hampir kesemua wawancara ini telah dirakam melalui video digital sebagai sumber maklumat misi. Transkripsi wawancara ini sedang diusahakan untuk melengkapkan dokumentasi dan memudahkan rujukan. Oleh kerana kesukaran membuat catatan semasa wawancara dijalankan, rakaman video digital transkripsi ini merupakan sumber maklumat penting Misi Iqra' PPM.

16. BANTUAN YANG DIPERLUKAN

16.1 Perpustakaan Pusat dan Ibu Pejabat

Badan Perpustakaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam
Jalan T.Nyak Arief (Lamgugob)
Banda Aceh

Dalam wawancara dengan Drs Kamaruddin H. Husein, Ketua baru BPD yang dilantik oleh Gubner pada Mac 2005, Ibu Yusnidar dan Drs. Fauzi, Wakil IPI, keperluan bantuan berasaskan perancangan pembangunan perpustakaan bagi jangka pendek dan jangka panjang adalah seperti berikut:

(a) Buku-buku untuk koleksi perpustakaan

Buku-buku sangat sangat diperlukan untuk menggantikan buku-buku yang telah musnah oleh tsunami dan untuk menambah koleksi. Hampir semua buku yang terletak di tingkat bawah telah musnah. Buku-buku yang diterima melalui akta penyerahan atau *legal deposit* yang terletak di tingkat satu, terselamat. Sebahagian besar buku-buku yang diperlukan ialah dalam bahasa Indonesia dan selainnya dalam Bahasa Inggeris. Buku rujukan dalam bahasa Malaysia juga diperlukan untuk melengkap koleksi dalam bahasa Indonesia. Buku dalam semua bidang diperlukan oleh perpustakaan pusat. Perpustakaan akademik di Aceh pula sangat memerlukan buku-buku akademik dalam semua bidang dan sumbangan buku dalam bahasa Malaysia juga sangat diharapkan.

(b) Pengesanan Bahan bahan sejarah tentang Aceh

Bahan-bahan nadir dan manuskrip sangat perlu dikesan untuk membina semula dokumentasi warisan dan sejarah Aceh. Dalam perkara ini bantuan dari perpustakaan-perpustakaan lain di Indonesia, terutama PNI, Brunei, Malaysia, Australia, Netherlands, United Kingdom, dan Amerika Syarikat amat diperlukan untuk mengesan buku buku, terutama buku nadir dan manuskrip, sangat

diperlukan. Sumbangan dalam bentuk salinan faksimile dan mikrofilem bahan-bahan tersebut sangat dihargai.

(c) **Kenderaan bagi perpustakaan bergerak**

Kenderaan yang boleh diubahsuai sebagai perpustakaan bergerak sangat diperlukan untuk perkhidmatan perpustakaan luar bandar di Aceh. Dua buah perpustakaan bergerak yang baru sumbangan Perpustakaan Nasional Indonesia musnah waktu tsunami dan telah diganti untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan keliling. Perpustakaan pusat telah menerima dua buah lagi perpustakaan bergerak yang baru dari Perpustakaan Nasional Indonesia dua minggu lalu dan kini sedang merancang laluan perkhidmatan tersebut. Namun, tambahan bilangan perpustakaan bergerak diperlukan untuk memberi perkhidmatan ke kawasan yang lebih luas dalam provinsi itu. Drs. Kamaruddin memohon kenderaan model L-300 (van untuk 12 penumpang) yang lebih besar daripada van mini yang digunakan sekarang dan boleh memuatkan koleksi buku yang lebih banyak. Anggaran kos kenderaan sebelum diubahsuai menjadi perpustakaan keliling ialah RM100,000-RM150,000. Jika dipasang alat hawa dingin kos meningkat kepada RM200,000. Pengubahsuaian model L-300 ini kepada perpustakaan bergerak boleh dilaksanakan di Medan oleh kerana terdapat syarikat-syarikat pembina badan bas di Medan.

(d) **Perabot dan rak perpustakaan**

Drs. Kamaruddin juga menekankan perlunya perabot serta alat perkakas untuk perpustakaan, terutama untuk bahagian dewasa dan perpustakaan kanak-kanak yang baru diubahsuai. Tsunami telah memusnahkan seluruh tingkat satu perpustakaan, termasuk buku, rak dan perabot. Pada masa ini hanya perabot asas disediakan dan tidak memenuhi standard perabot perpustakaan. Sejumlah besar ruang perpustakaan masih kosong termasuk bilik seminar/latihan dan ruang pejabat. Seluruh perpustakaan perlu dihias semula setelah kerja membaik pulih selesai untuk menghidupkan semula suasana serta fungsinya.

(e) **Pembangunan sumber manusia**

Pembangunan sumber manusia dan membina keupayaan merupakan aspek penting dalam proses pembinaan semula. Tenaga pekerja perkhidmatan Perpustakaan Provinsi Aceh semakin

kecil apabila sejumlah 23 daripada 77 orang pekerjaanya telah terkorban atau hilang sewaktu tsunami, termasuk Ketua perkhidmatan dan tenaga profesionalnya. Tenaga kerja baru perlu dilantik dan diberi latihan disamping kursus berterusan diberikan kepada para pekerja yang sedia ada. Semangat pekerja yang mengalami trauma selepas tsunami perlu dipulihkan melalui program pembangunan sumber manusia yang positif dan perihatin.

(f) **Peralatan komputer dan sistem perpustakaan bersepadu**

Sistem perpustakaan bersepadu serta kemudahan telekomunikasi perpustakaan tersebut turut musnah akibat tsunami. Semua komputer serta pelayannya yang terletak di tingkat satu sungguhpun terselamat dari tsunami habis dicuri pula. Rangkaian setempat perlu dibina semula, sistem perpustakaan sepadu diwujudkan dan perkhidmatan perpustakaan digital dibangunkan semula. Perpustakaan telah menggunakan sistem WINISIS, perisian yang diperolehi dari Unesco, dan telah digunakan untuk modul katalog dan sirkulasi. Buat masa kini, perpustakaan tidak mempunyai talian tetap kerana kemudahan telekomunikasi bagi seluruh Banda Aceh masih belum diperbaiki. Maka itu perpustakaan tidak mempunyai kemudahan faks, telefon atau internet. Banyak yang perlu dilakukan untuk membawa perpustakaan tersebut ke abad 21 dari aspek kemudahan komunikasinya.

16.2 **Bantuan yang diperlukan oleh perpustakaan lain**

Perpustakaan lain yang dilawati telah menyatakan keperluan segera mereka iaitu buku untuk menambah koleksi yang ada. Nyatalah terdapat kekurangan bahan bacaan sebahagian besar kekurangan ini boleh di atasi dengan buku-buku dalam bahasa Indonesia, tetapi boleh juga ditambah dengan buku-buku dalam bahasa Malaysia dan Inggeris. Khususnya keadaan ini benar tentang perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman. Para pustakawan dari Perpustakaan Universiti yang hadir di pertemuan yang diatur oleh BPD juga telah menyatakan keperluan buku-buku serta jurnal ilmiah dalam bahasa Malaysia dan Inggeris untuk perpustakaan akademik, seperti perpustakaan Universiti Syiah Kuala dan Universiti Al-Raniri.

16.3 **Phi Beta Learning Centre**

Buku dan bahan bacaan sangat diperlukan untuk menyokong program literasi dan pembacaan yang diusahakan oleh Phi Beta Learning Centre. Pusat tersebut memberi pinjaman buku selama 10 hari dan telah mengguna kaedah yang menarik untuk melibatkan ibubapa dalam program tersebut.

Pusat itu juga mengumpulkan buku sebagai salah satu kegiatan mereka, disamping menyediakan kelas tuisyen untuk remaja. Lencana atau butang dengan perkataan baca sangat berguna untuk membantu menyebarkan perutusan tentang pembacaan.

16.4 **Projek Literasi yang Lain**

Ada beberapa kumpulan yang mengendalikan projek literasi di Aceh, khususnya di kawasan penempatan sementara atau barrak (*barracks*) bagi mangsa tsunami, seperti Yayasan Anak Bangsa, Forum Lingkar Pena dan Children Media Centre. Selain buku, bahan tulisan dan lukisan sangat diperlukan untuk mengekalkan program dan aktiviti literasi bagi mangsa tsunami dan mereka yang tinggal di luar bandar. Keperluan mereka mudah, tetapi diperlukan segera untuk memastikan kegiatan dapat diadakan secara tetap oleh sukarelawan. Pembangunan literasi serta perangsangan minda kanak-kanak dan remaja tidak boleh terbiar sambil menunggu proses pembinaan semula Aceh.

Kumpulan kami menerima dua kertas cadangan dari Forum Lingkar Pena (FLP). Forum ini ialah sebuah organisasi yang dimulakan oleh sekumpulan penulis muda dalam tahun 1997 dan mempunyai 30 cawangan, di Aceh dan di tempat-tempat lain di Indonesia. Forum ditubuhkan oleh alumni Fakulti Sastera Universiti Indonesia yang gusar dengan keadaan rendahnya minat membaca dan menulis dikalangan masyarakat Indonesia. FLP Nanggroe Aceh Darrusalam ditubuhkan pada 2000 dan sekarang mempunyai 100 ahli. Mereka bergiat dari sebuah bengkel kereta yang dipunyai oleh seorang ahlinya, mengadakan aktiviti membaca, sesi bercerita, sesi membaca dan bengkel penulisan. FLP Aceh mengemukakan dua cadangan termasuk anggaran kos untuk tajaan:

(a) ***Rumah Cahaya: BaCa dan Hasilkan karYa 2005.***

Baca dan Tulis 2005 akan mengadakan aktiviti membaca seperti sesi bercerita, bengkel penulisan serta seminar. Projek termasuk membeli bangunan untuk bilik kegiatan, ruang pejabat untuk urusetia, bilik tamu, bilik solat, tandas dengan anggaran kos Rp 555,375,000.00

(b) ***Kampayne Aceh Bangkit Aceh Membaca.***

Kempen ini bertujuan menyedarkan masyarakat tentang pentingnya membaca dan menulis. Kempen ini ditumpukan kepada mereka yang terselamat dari tsunami yang tinggal di khemah-khemah sekitar Banda Aceh untuk merangsang minda mereka dan mengatasi trauma tsunami yang dialami supaya tidak berterusan. FLP akan menggerakkan semua ahli mereka yang terselamat

sebagai bahagian memulihkan dan membina semula Aceh berikutan kejadian gempa bumi dan tsunami. Kos untuk bahan penerangan kempen dianggarkan Rp 221,990.

17. SUMBANGAN DARI MISI IQRA' PPM

Misi Iqra' PPM telah menyampaikan sumbangan berikut kepada perpustakaan dan projek literasi yang dilawati seperti berikut :-

- 17.1 Sebuah Komputer notebook jenama *Compac* lengkap dengan perisian bernilai RM800.00, 2 naskah Kamus Dwi-Bahasa serta cenderamata kristal dan cenderamata khas ulangtahun ke-50 PPM kepada Perpustakaan Pusat Badan Perpustakaan Daerah (BPD);
- 17.2 Cenderamata kristal kepada wakil Ikatan Pustakawan Indonesia, Drs. Fauzi;
- 17.3 50 set buku tulis dan alat tulis serta kameja-T, Kamus Dwi-Bahasa DBP dan buku-buku bacaan kanak-kanak kepada Phi Beta Learning Centre;
- 17.4 2 set kamus Dwi-Bahasa DBP kepada Perpustakaan Universiti Syiah Kuala;
- 17.5 2 set kamus Dwi-Bahasa DBP kepada Perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman;
- 17.6 Kameja-T untuk peserta dan guru projek literasi Children's Media Centre;
- 17.7 Cenderamata ulangtahun ke-50 PPM kepada Pengelola Projek Yayasan Anak Bangsa;
- 17.8 30 kameja-T untuk sukarelawan projek Yayasan Anak Bangsa dan set buku dan alat tulis kepada kanak-kanak di kediaman barrak Daerah Kediaman Lambrado, Aceh Besar;
- 17.9 Buku-buku bacaan dan cenderamata ulangtahun ke-50 PPM kepada Pengelola Forum Lingkaran Pena;
- 17.10 Sumbangan peribadi dari Dato' Zawiyah Baba dan Puan Rohani Rustam untuk masjid Linkungan Al-Mukaramah, Punge Jurung, Banda Aceh.

18. SYOR

- 18.1 PPM memainkan peranan utama untuk mendapatkan sokongan dan mewujudkan laman web khas bagi mempromosi keperluan pembinaan semula perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Aceh.
- 18.2 Menarik perhatian pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang relevan untuk memastikan pembinaan kemudahan perpustakaan diberi pertimbangan dan peruntukan yang diperlukan serta diintegrasikan dalam rancangan pembinaan semula perkhidmatan dan infrastruktur di Aceh.

- 18.3 Menarik perhatian komuniti perpustakaan antarabangsa melalui IFLA (International Federation of Library Associations and Institutions) tentang keperluan bantuan segera untuk membina semula perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Aceh.
- 18.4 Mendapatkan sokongan sektor korporat dan NGOs di Malaysia untuk mengumpul dana bagi pembelian bahan-bahan bacaan serta kenderaan bagi membantu program dan aktiviti perpustakaan dan literasi di Aceh.
- 18.5 Mengesyorkan agar kepimpinan dan ketabahan serta usaha gigih yang ditunjukkan oleh para pegawai BPD, istimewa Ibu Yusnidar yang dilantik sebagai Pemangku Ketua pada awal tsunami berlaku, dalam menyediakan pejabat sementara, membersihkan segala serpihan puing di dalam dan di sekeliling kawasan bangunan dan membersihkan bangunan supaya boleh diguna semula, diiktiraf dan diberi penghargaan.
- 18.6 Perpustakaan Negara Malaysia, bersesuaian dengan peranan dan tugas-tugasnya, membantu Badan Perpustakaan Daerah NAD dalam
 - (a) mengesan dan membuat carian bahan dokumentasi tentang Aceh serta membekalkan salinan mikeroflimen atau faksimile;
 - (b) memberi latihan dalam pemuliharaan bahan nadir dan manuskrip;
 - (c) menawarkan tempat untuk calon-calon yang layak dari Aceh bagi bengkel dan kursus yang dianjurkan oleh PNM dibawah Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM);
 - (d) memanjangkan penggunaan template CUTE untuk pengurusan bahan perpustakaan yang berasaskan perisian WINISIS dari UNESCO untuk perpustakaan di Aceh dan memberi latihan dalam penggunaannya.
- 18.7 Menerbitkan persembahan video dan dokumentari mengenai misi PPM ke Aceh berasaskan rakaman video yang dibuat semasa lawatan ke Aceh.

19. PENGHARGAAN

Ahli-ahli kumpulan misi Iqra' dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) sangat berterima kasih kepada mereka yang dinamakan seperti berikut atas sumbangan kewangan serta bantuan yang diberikan dalam bentuk bahan, maklumat dan nasihat bagi menjayakan misi kami:

- Pesona Pictures Sdn Bhd
- Alam Teknokrat Sdn Bhd (SKALI)
- Friends Worldwide Advertising
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- Yuha Associates
- Datuk Dr Baba Md Deni, Mercy Malaysia
- Datuk Yap Nyim Keong, Asian Football Confederation
- Mr Windsor John, FIFA Development Office, Kuala Lumpur
- Ministry of Foreign Affairs, Southeast Asia and Pacific Division 1
- Malaysia Airlines, KLIA
- Mr Yusof Abu Bakar, Consul General Malaysia, Medan
- Garuda Airways Medan
- Drs Kamaruddin H. Husein, Kepala BPD, NAD
- Ibu Yusnidar, Badan Perustakaan Daerah, Nanggroe Aceh Darussalam
- Sdr Saiful Mahdi, Phi Beta Learning Centre, Banda Aceh

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ahli-ahli PPM, ahli-ahli keluarga, dan rakan-rakan yang namanya tidak tersenarai diatas tetapi telah turut mendoakan, memberi galakkan serta menyumbang usaha dan tenaga dalam apa cara jua pun untuk menjayakan Misi Iqra' PPM ke Aceh.

20. PENUTUP

Seperti yang diajukan oleh rakan kami dari Indonesia, mesyuarat agung tahunan PPM meluluskan misi awal ke Aceh untuk menjalin hubungan dengan pustakawan di Aceh dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang jenis bantuan yang di perlukan dan cara yang terbaik untuk menyampaikannya. Misi Iqra PPM telah berjaya dilaksanakan oleh sekumpulan empat orang pada 2-5 Ogos 2005. Kumpulan ini juga telah mendokumen dan melaporkan bantuan yang diperlukan. Rakaman video digital Misi ini perlu diedit untuk persembahan video disediakan. Transkripsi wawancara yang diadakan juga sedang diusahakan oleh anggota Misi Iqra' untuk melengkapkan pendokumentasian. Laporan ini diserahkan untuk pertimbangan dan tindakan Majlis PPM dan seterusnya dimajukan kepada pihak berkuasa kerajaan yang relevan serta lain-lain badan dalam negara dan antarabangsa untuk perhatian dan bantuan sewajarnya. Semoga pihak-pihak berkenaan dapat membantu dalam pembinaan semula perkhidmatan perpustakaan di Aceh dalam apa cara jua pun demi pemulihan kesejahteraan masyarakat Aceh.

Sekian, terima kasih.

Laporan disediakan oleh kumpulan misi Iqra' Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)

Dato' Zawiyah Baba, Ketua
 En Hasbullah Atan, Koordinator
 Puan Rohani Rustam, Perhubungan
 En Abdul Hamid Abdul Rahman, Jurufoto/ Jurukamera.

zb/rr/ha/08.09.2005/ rev. 4.10.2005

